



6 September 2021
6 September 2021
P.U. (A) 352

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR (PENGECCUALIAN) (NO. 4) 2021

MOTOR VEHICLES (EXEMPTION) (NO. 4) RULES 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR (PENGEQUALIAN) (NO. 4) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 66(1)(x) dan 127(1)(b) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pengecualian) (No. 4) 2021**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 6 September 2021 hingga 31 Disember 2021.

Pengecualian

2. Menteri mengecualikan orang yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual daripada pemakaian peruntukan yang dinyatakan dalam ruang (2) tertakluk kepada syarat bahawa orang yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual hendaklah memohon untuk memperbaharui lesen kenderaan motornya, lesen memandunya atau lesen vokasionalnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebelum 31 Disember 2021.

JADUAL

[Kaedah 2]

(1) <i>Orang yang baginya Pengecualian Terpakai</i>	(2) <i>Peruntukan</i>
Mana-mana orang yang lesen kenderaan motornya habis tempoh dalam tempoh mulai 6 September 2021 hingga 31 Disember 2021	Seksyen 15 Akta Kaedah 15 Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959 [<i>L.N. 173/1959</i>]
Mana-mana orang yang lesen memandunya habis tempoh dalam tempoh mulai 6 September 2021 hingga 31 Disember 2021	Seksyen 26 Akta Kaedah 3A Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Lesen Memandu) 1992 [<i>P.U. (A) 409/1992</i>]
Mana-mana orang yang lesen vokasionalnya habis tempoh dalam tempoh mulai 6 September 2021 hingga 31 Disember 2021	Seksyen 56 Akta Seksyen 57 Akta Kaedah 3A Kaedah-Kaedah Kenderaan Perkhidmatan Awam (Pelesenan dan Kelakuan Pemandu, Konduktor dan Penumpang) 1959 [<i>L.N. 177/1959</i>] Kaedah 4A Kaedah-Kaedah Kenderaan Barang (Pelesenan Pemandu) 1965 [<i>L.N. 158/1965</i>]